

Media Title : Sinar Harian  
Headline : Wanita kerugian RM106,400 diperdaya 'pegawai polis'  
Date : 3 September 2024  
Section : Negeri  
Page : 26



## Wanita kerugian RM106,400 diperdaya 'pegawai polis'



Mangsa mengalami kerugian RM106,400 selepas ditipu menerusi panggilan telefon. - Gambar hiasan

**MUAR** - Seorang wanita kerugian RM106,400 selepas ditipu menerusi panggilan telefon oleh individu menyamar sebagai kakitangan perniagaan dalam talian dan pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, mangsa berusia 27 tahun menerima panggilan daripada seorang individu memperkenalkan diri sebagai kakitangan Shopee Malaysia pada Khamis lalu.

"Individu terbabit meminta mangsa membuat laporan polis kerana mendakwa menjual produk kosmetik tanpa kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Mangsa kemudiannya di-

sambungkan kepada beberapa individu berbeza yang menyamar sebagai pegawai polis.

"Wanita ini dimaklumkan mempunyai satu waran tangkap kerana terlibat dengan pengubahan wang haram dan dadah," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Raiz Muhkliz, panik dan takut dengan ugutan itu, mangsa memberikan maklumat peribadi miliknya kepada pemanggil berkenaan.

Katanya, individu terbabit juga meminta mangsa memajak barang kemas yang ada dalam simpanannya.

"Mangsa ke tiga kedai pajak di sekitar daerah ini untuk memajak barang kemas dan memindahkan wang pajakan ke da-

lam empat akaun bank berbeza berjumlah RM106,400.

"Selepas membuat semua pembayaran, mangsa diarahkan membuat pembayaran lagi menyebabkannya pelik dan berasa ditipu sebelum membuat laporan polis pada Sabtu," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Orang ramai digalakkan menggunakan perkhidmatan dalam talian menerusi laman web [www.semakmule.rmp.gov.my/](http://www.semakmule.rmp.gov.my/) sebelum membuat sebarang pembayaran atau transaksi dalam talian selain memuat turun aplikasi 'whoscall' bagi mengurangkan risiko menjadi mangsa penipuan," ujarnya.